



Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA
GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil.46
Bil.4

18hb Februari 1993

TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN

Enakmen-Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Perak pada 12hb Oktober hingga 16hb Oktober 1992 dan diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak pada 13hb Januari 1993 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactments, passed by the State Legislative Assembly Perak on the 12th October to 16th October 1992 and assented by His Royal Highness the Regent of Perak on the 13th January 1993 are published for general information:

Enakmen Bil.	Nama	Muka
5.	Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1992 Control of Pig Farming Enactment 1992	189

ENAKMEN PENGAWALAN PENTERNAKAN BABI 1992

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II KUASA EKSEKUTIF

3. Kewajipan-kewajipan Pengarah
4. Perlantikan pegawai diberikuasa
5. Perlantikan Jawatankuasa Penasihat Teknikal

BAHAGIAN III KAWASAN PENTERNAKAN BABI

6. Penetapan Kawasan Penternakan Bagi dan Zon Penampakan Babi
7. Lokasi ladang babi

BAHAGIAN IV PELESENAN PENTERNAK

8. Lesen penternakan babi
9. Lesen penternakan babi sementara
10. Permohonan
11. Kelulusan pelan
12. Mempamer dan mengemukakan lesen
13. Keengganan mengemukakan atau pembatalan lesen
14. Laporan setengah tahun

BAHAGIAN V PENGUATKUASA DAN PENDAKWAAN

15. Kuasa memasuki premis
16. Penyitaan dan pengalihan babi
17. Kuasa menangkap
18. Pendakwaan
19. Perobohan ladang

BAHAGIAN VI AM

20. Pelanggaran syarat atau sekatan
21. Pembuangan sisa babi
22. Pengangkutan babi
23. Perakuan palsu
24. Menyekat pegawai
25. Kesalahan yang dilakukan oleh pemunya dan penghuni tanah
26. Babi merayau
27. Penalti am
28. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan
29. Kuasa untuk mengkompaun
30. Perlindungan pegawai
31. Kaedah-kaedah

Bil. 5 TAHUN 1992

BETA PERKENANKAN,

(RAJA NAZRIN SHAH)
Pemangku Raja Perak
(Mohor Kerajaan)

13hb Januari 1993

Suatu Enakmen untuk mengawal dan mengawalselia penternakan babi dalam Negeri Perak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

ADALAH DENGAN INI DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Kuasa Undang-Undang Negeri Perak seperti berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1992 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa
2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain- Tafsiran
 - “alat pengangkutan” termasuklah kapal, keretapi, kenderaan, pesawat udara atau apa-apa cara pengangkutan lain dengan mana orang atau barang-barang boleh dibawa;
 - “babi” termasuklah babi hutan;
 - “hutan simpanan kekal” mempunyai makna yang sama seperti yang diberi kepadanya dalam Akta Perhutanan Negara 1984; Akta 313
 - “jalan” mempunyai makna yang sama seperti yang diberi kepadanya dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987; Akta 333
 - “kaedah-kaedah” ertinya kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 31;
 - “Kawasan Penternakan Babi” ertinya mana-mana tempat yang ditetapkan sebagai Kawasan Penternakan Babi di bawah subseksyen (1) seksyen 6;
 - “kenderaan” mempunyai makna yang sama seperti yang diberi kepadanya dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987; Akta 333
 - “ladang babi” ertinya suatu tempat yang digunakan untuk penternakan babi;
 - “lesen” ertinya suatu lesen penternakan babi, termasuklah suatu lesen penternakan babi sementara, yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini;
 - “pegawai diberikuasa” ertinya pegawai yang dilantik di bawah seksyen 4;
 - “pemegang lesen” ertinya seseorang yang mana lesen dikeluarkan kepadanya;
 - “pemunya” berhubungan dengan babi ertinya seseorang yang memiliki babi atau bertanggungjawab bagi penjagaan, pengurusan, penternakan, pembiakan atau penyimpanan babi atau yang menjaga babi, atau yang

Akta 56/1965

memelihara, membiak atau menyimpan babi;

“pemunya” berhubungan dengan tanah termasuklah seseorang yang kepadanya suatu lesen menduduki sementara telah dikeluarkan di bawah Kanun Tanah Negara membenarkan orang itu menduduki tanah itu;

“Pengaruh” ertinya Pengarah Perkhidmatan Haiwan, Perak;

“penternakan babi” ertinya melakukan mana-mana satu atau lebih perbuatan yang berikut-

- (a) pembiakan babi;
- (b) penternakan babi;
- (c) penyimpanan babi;
- (d) pengurusan babi;
- (e) penjagaan babi;

“populasi babi dirian” ertinya jumlah bilangan babi yang hidup;

“populasi babi betina dewasa dirian” ertinya jumlah bilangan babi betina dewasa yang hidup yang sedang dikahwinkan termasuklah babi yang pernah bunting sekurang-kurangnya sekali dan babi yang telah beranak;

“sempadan” berhubungan dengan ladang babi ertinya sempadan ladang babi bersamaan dengan seperti yang dinyatakan dalam pelan susun atur ladang yang telah diluluskan;

“sisa babi” ertinya ekskreta, tahi atau air kencing babi, sisa bahan makanan babi atau air yang telah digunakan untuk mencuci babi atau kandang babi atau untuk mencurahkan longkang dan saluran yang mengandungi ekskreta, tahi atau air kencing babi;

“sisa babi yang tak diolah” ertinya apa-apa sisa babi yang tidak diolah mengikut piawai sebagaimana ditetapkan oleh kaedah-kaedah;

“sungai” mempunyai makna yang sama seperti yang diberi kepadanya dalam Akta Air 1920; Akta 418

“tanah bermilik” mempunyai makna yang sama seperti yang diberi kepadanya dalam Kanun Tanah Negara; Akta 56/1965

“tanah Kerajaan” mempunyai makna yang sama seperti yang diberi kepadanya dalam Kanun Tanah Negara; Akta 56/1965

“tanah melombong” mempunyai makna yang sama seperti yang diberi kepadanya dalam Kanun Tanah Negara; Akta 56/1965

“tanah rizab” mempunyai makna yang sama seperti yang diberi kepadanya dalam Kanun Tanah Negara; Akta 56/1965

“Zon Penampunan Babi” ertinya suatu kawasan yang ditetapkan sebagai Zon Penampunan Babi di bawah subseksyen (2) seksyen 6.

- (2) Dalam Enakmen ini, apa-apa sebutan mengenai Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis tertentu termasuklah sebutan mengenai perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya.

BAHAGIAN II KUASA EKSEKUTIF

3. Pengarah hendaklah-
- (a) menasihatkan Pihak Berkuasa Negeri mengenai penetapan mana-
- Kewajipan-kewajipan Pengarah

- mana kawasan dalam Negeri sebagai Kawasan Penternakan Babi dan sebagai Zon Penampian Babi; dan
- (b) tertakluk kepada Enakmen ini, mematuhi apa-apa arahan yang diberi kepadanya oleh Pihak Berkuasa Negeri.

4. (1) Bagi maksud Enakmen ini, Pengarah boleh melantik secara bertulis mana-mana pegawai awam untuk menjadi seorang pegawai diberikuasa. Perlantikan pegawai diberikuasa
- (2) Pengarah boleh secara bertulis mewakilkan kepada mana-mana pegawai diberikuasa mana-mana fungsi Pengarah.
- (3) Seseorang pegawai diberikuasa hendaklah, jika diminta, mengemukakan kuasa bertulis yang dikeluarkan kepadanya oleh Pengarah.
- (4) Adalah tidak menjadi suatu kesalahan bagi seseorang yang enggan untuk mematuhi apa-apa permintaan, kehendak atau perintah yang dibuat atau diberi oleh seseorang pegawai diberikuasa jika pegawai itu gagal atau enggan untuk mengemukakan kuasa bertulis itu apabila dikehendaki berbuat demikian oleh orang itu.
5. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh melantik beberapa orang sebagaimana yang perlu untuk menjadi anggota suatu jawatankuasa yang hendaklah dikenali sebagai "Jawatankuasa Penasihat Teknikal". Perlantikan Jawatankuasa Penasihat Teknikal
- (2) Adalah menjadi fungsi Jawatankuasa Penasihat Teknikal untuk membantu dan menasihatkan Pengarah dalam penyediaan dan pelaksanaan program-program untuk penyelidikan dan latihan dalam pengawalan pencemaran berhubungan dengan penternakan babi.

BAHAGIAN III KAWASAN PENTERNAKAN BABI

6. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menetapkan mana-mana kawasan dalam Negeri sebagai "Kawasan Penternakan Babi". Penetapan Kawasan Penternakan Babi dan Zon Penampian Babi
- (2) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menetapkan mana-mana kawasan yang berdampingan dengan atau di sekeliling suatu Kawasan Penternakan Babi sebagai "Zon Penampian Babi".
- (3) Tidak seorangpun boleh menjalankan apa-apa aktiviti dalam Zon Penampian Babi kecuali dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Negeri; dan kebenaran itu hendaklah diberi hanya bagi aktiviti-aktiviti sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah.
- (4) Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti dalam Zon Penampian Babi tanpa kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Negeri adalah melakukan suatu kesalahan.
7. (1) Tertakluk kepada seksyen 9, tiada seorang pun boleh melakukan penternakan babi kecuali dalam Kawasan Penternakan Babi. Lokasi ladang babi
- (2) Tertakluk kepada seksyen 9, mana-mana orang yang melakukan penternakan babi dalam mana-mana tempat di luar Kawasan Penternakan Babi adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.

BAHAGIAN IV PELESENAN PENTERNAK

8. (1) Mana-mana orang yang melakukan penternakan babi tanpa lesen adalah Lesen penternakan

- melakukan suatu kesalahan. babi
- (2) Sesuatu lesen penternakan babi yang dikeluarkan boleh mengandungi apa-apa terma, syarat atau sekatan sebagaimana dikenakan oleh Pengarah mengikut budibicaranya yang mutlak.
- (3) Tiada lesen penternakan babi boleh dikeluarkan bagi mana-mana ladang babi yang terletak di luar suatu Kawasan Penternakan Babi.
9. (1) Sehingga sesuatu kawasan telah ditetapkan sebagai Kawasan Penternakan Babi, Pengarah boleh, atas permohonan, mengeluarkan suatu lesen penternakan babi sementara kepada mana-mana penternak babi yang sedia ada membenarkan orang itu terus melakukan penternakan babi di atas tapak yang sama bagi apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa terma, syarat dan sekatan sebagaimana dikenakan oleh Pengarah ke atas lesen itu mengikut budibicaranya yang mutlak. Lesen penternakan babi sementara
- (2) Apabila suatu kawasan telah ditetapkan sebagai Kawasan Penternakan Babi, apa-apa lesen penternakan babi sementara yang telah dikeluarkan tidak boleh diperbaharui, dan tempoh lesen itu, sebagaimana dinyatakan dalam lesen itu, tidak boleh dilanjutkan.
- (3) Mana-mana orang yang melakukan penternakan babi di atas tapak yang sama selepas tamat tempoh lesen penternakan babi sementara yang dikeluarkan kepadanya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.
- (4) Dalam seksyen ini, "penternak babi yang sedia ada" ertinya mana-mana orang yang telahpun melakukan penternakan babi pada hari Enakmen ini mula berkuatkuasa.
10. Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan kepada Pengarah. Permohonan
11. Tiada lesen boleh dikeluarkan melainkan jika pelan susun atur dan rekabentuk bagi pembinaan sesuatu ladang babi termasuk sempadan ladang babi itu dan kemudahan bagi mengawal luahan atau pembuangan sisa babi telah diluluskan oleh Pengarah:
- Dengan syarat bahawa berkenaan dengan lesen penternakan babi sementara, Pengarah boleh meluluskan pelan susun atur dan rekabentuk ladang yang sedia ada dengan ubahsuaian yang difikirkan perlu olehnya.
- 12.(1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan dalam pejabatnya di ladang babi atau di suatu tempat yang mudah dilihat dalam ladang babi lesen yang dikeluarkan kepadanya. Mempamer dan mengemukakan lesen
- (2) Seseorang pemegang lesen hendaklah mengeluarkan jika diminta oleh Pengarah, mana-mana pegawai diberikuasa atau mana-mana pegawai polis, lesen yang dikeluarkan kepadanya.
- (3) Mana-mana orang yang, tanpa alasan yang munasabah, gagal mempamerkan atau mengemukakan lesen itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit.
- 13.(1) Pengarah boleh-
- (a) enggan untuk mengeluarkan sesuatu lesen tanpa memberi sebarang sebab;
- (b) pada bila-bila masa meminda atau mengubah apa-apa syarat atau

- sekatan sesuatu lesen; atau
- (c) membatalkan mana-mana lesen mana-mana orang yang didapati telah melanggar Enakmen ini atau melanggar sesuatu syarat atau sekatan yang dikenakan ke atas lesen itu.
- (2) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pengarah boleh, dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh penerimaan pemberitahuan mengenai keputusan itu, merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri yang mana keputusannya adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau dikaji semula oleh, atau dirayu kepada, mana-mana Mahkamah.
- 14.(1) Seseorang pemegang lesen hendaklah, bagi tiap-tiap tahun, menyerahkan dua laporan kepada Pengarah, iaitu-
- (a) laporan setengah tahun yang pertama; dan
- (b) laporan setengah tahun yang kedua.
- (2) Laporan itu hendaklah diserahkan dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah mengandungi maklumat berhubung dengan populasi babi dirian, populasi babi betina dewasa dirian dan butir-butir lain mengenai ladang babi sebagaimana dikehendaki oleh Pengarah atau sebagaimana ditetapkan oleh kaedah-kaedah.
- (3) Laporan setengah tahun pertama itu hendaklah mengenai tempoh daripada 1hb Januari hingga 30hb Jun tahun berkenaan; dan laporan setengah tahun kedua hendaklah mengenai tempoh daripada 1hb Julai hingga 31hb Disember tahun itu.
- (4) Laporan setengah tahun pertama itu hendaklah diserahkan kepada Pengarah tidak lewat daripada 31hb Julai tahun berkenaan; dan laporan setengah tahun kedua hendaklah diserahkan kepada Pengarah tidak lewat daripada 31hb Januari tahun yang berikutnya.
- (5) Mana-mana orang yang, tanpa alasan yang munasabah, gagal mengemukakan laporan itu dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subseksyen (4) adalah melakukan suatu kesalahan.

Laporan setengah tahun

BAHAGIAN V PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN

15. Bagi maksud menentukan sama ada apa-apa kesalahan terhadap Enakmen ini telah atau sedang dilakukan, Pengarah, mana-mana pegawai diberikuasa atau mana-mana pegawai polis boleh pada bila-bila masa-
- (a) memasuki dan memeriksa mana-mana ladang babi atau tanah, bangunan atau premis yang mengenainya dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki sedang digunakan untuk penternakan babi dan pemunya atau penghuni ladang atau tanah, bangunan atau premis itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memberi kepada pegawai itu segala bantuan yang perlu dan memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh pegawai tersebut;
- (b) menyuruh berhenti, menahan, memasuki dan memeriksa mana-mana alat pengangkutan yang digunakan untuk membawa babi.
- 16.(1) Jika Pengarah, mana-mana pegawai diberikuasa atau mana-mana pegawai polis mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan terhadap Enakmen ini telah atau sedang dilakukan, pegawai itu boleh menyita mana-mana babi yang menjadi perkara kesalahan itu, dan boleh mengalih dan menjual babi itu atau mengalihkan babi itu ke suatu rumah sembelih haiwan yang sah untuk disembelih, atau boleh melupuskan babi itu dengan apa-apa cara sebagaimana

Kuasa memasuki premis

Penyitaan dan pengalihan babi

ditentukan oleh Pengarah, mana-mana pegawai diberikuasa atau mana-mana pegawai polis.

- (2) Daging atau kerangka mana-mana babi yang disembelih di bawah seksyen ini hendaklah dilupuskan dengan apa-apa cara sebagaimana ditentukan oleh Pengarah atau pegawai diberikuasa.
- (3) Hasil apa-apa jualan di bawah subseksyen (1) atau (2) (sekiranya babi, daging atau kerangka itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah dijual) hendaklah dilupuskan apa-apa dengan cara sebagaimana ditentukan oleh Pengarah atau pegawai diberikuasa atau, jika ada pendakwaan, dengan apa-apa cara sebagaimana diarahkan oleh Mahkamah.
17. Pengarah, seseorang pegawai diberikuasa atau seseorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang dengan munasabah disyaki melakukan atau telah melakukan apa-apa kesalahan terhadap Enakmen ini. Kuasa menangkap
- 18.(1) Pengarah, mana-mana pegawai diberikuasa atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor hendaklah mempunyai kuasa untuk hadir di mana-mana Mahkamah dan menjalankan apa-apa pendakwaan berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini. Pendakwaan
- (2) Pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah subseksyen (2) seksyen 7, subseksyen (1) seksyen 8 atau subseksyen (3) seksyen 9 tidak boleh dimulakan kecuali dengan kebenaran Penasihat Undang-Undang Negeri.
- (3) Pendakwaan bagi mana-mana kesalahan yang lain tidak boleh dimulakan kecuali dengan kebenaran Pengarah.
19. Jika seseorang itu disabitkan atas suatu kesalahan berhubung dengan penternakan babi yang menyalahi Enakmen ini, Mahkamah hendaklah, dalam kes kesalahan di bawah subseksyen (2) seksyen 7 atau subseksyen (3) seksyen 9, dan boleh, dalam kes kesalahan yang lain, memerintahkan orang yang disabitkan itu supaya memberhentikan operasinya dan merobohkan ladang itu atau memerintahkan orang itu supaya memberhentikan operasinya dan ladang itu dirobuhkan oleh Pengarah, mana-mana pegawai diberikuasa atau mana-mana pegawai polis. Perobohan ladang
- BAHAGIAN VI
AM
20. Seseorang pemegang lesen yang melanggar mana-mana syarat atau sekatan lesen adalah melakukan suatu kesalahan. Pelanggaran syarat atau sekatan
21. Seseorang pemegang lesen adalah melakukan suatu kesalahan jika apa-apa sisa babi yang tak diolah, diluahkan atau dibuang, dengan apa-apa cara pun, ke dalam atau ke atas mana-mana-
- (a) sungai, tasik atau laut;
 - (b) longkang awam;
 - (c) takungan air atau kolam atau tanah yang terletak di luar sempadan ladang babinya;
 - (d) jalan;
 - (e) tanah bermilik;
 - (f) tanah Kerajaan;
 - (g) tanah rizab; atau
 - (h) hutan simpanan kekal.
22. Tiada seorang pun boleh mengangkut babi di atas jalan melainkan jika pengangkutan itu dilakukan atas kenderaan yang diperakui oleh Pengarah sebagai telah dilengkapi dengan memuasnya supaya dapat Pengangkutan babi

mengelakkan perlimpahan sisa babi.

23. Mana-mana orang yang memberi kepada Pengarah, mana-mana pegawai diberikuasa atau mana-mana pegawai polis, bagi maksud apa-apa permohonan atau laporan di bawah Bahagian IV atau apabila dikehendaki untuk berbuat sedemikian di bawah seksyen 15, maklumat yang palsu mengenai butiran yang material, adalah melakukan suatu kesalahan. Perakuan palsu
24. Mana-mana orang yang tanpa alasan yang sah menyekat, menghalang atau membantu menyekat atau menghalang Pengarah, mana-mana pegawai diberikuasa atau mana-mana pegawai polis yang menjalankan mana-mana kuasa atau melaksanakan tugasnya di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan. Menyekat pegawai
25. Jika atas mana-mana tanah, penternakan babi dilakukan oleh mana-mana orang tanpa lesen, pemunya dan penghuni tanah itu adalah melakukan suatu kesalahan. Kesalahan yang dilakukan oleh pemunya dan penghuni tanah
26. Jika mana-mana babi pada bila-bila masa didapati merayau di luar sempadan ladang babi, atau merayau di atas jalan, dalam mana-mana tanah bermilik, tanah Kerajaan, tanah rizab, tanah melombong atau hutan simpanan kekal, pemunya babi itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila hendaklah disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap ekor babi: Babi merayau
- Dengan syarat bahawa jumlah denda yang dikenakan itu berhubung dengan jumlah bilangan ekor babi yang menjadi perkara kesalahan itu tidak boleh melebihi lima belas ribu ringgit.
- Dengan syarat selanjutnya bahawa seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini boleh dikehendaki membayar perbelanjaan yang munasabah untuk mengalih mana-mana babi yang didapati merayau dan untuk membaiki apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh babi yang didapati merayau itu.
27. Mana-mana orang, selain daripada suatu pertubuhan perbadanan, tetapi termasuk mana-mana pengarah atau pegawai pertubuhan perbadanan, yang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini yang mengenainya tiada penalti diperuntukkan, hendaklah apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang kemudiannya, denda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu. Penalti am
- 28.(1) Jika orang yang melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini ialah suatu pertubuhan perbadanan, orang itu apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit, dan bagi kesalahan kali yang kedua atau yang kemudiannya, denda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan
- (2) Jika kesalahan yang telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan itu dibuktikan telah dilakukan dengan kerelaan atau pembiaran atau boleh dikaitkan dengan apa-apa kecuaiian oleh pihak pengarah, pengurus, setiausaha atau lain-lain pegawai seumpamanya pertubuhan perbadanan itu atau mana-mana orang yang berupa bertindak atas sifat sedemikian, dia dan pertubuhan perbadanan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dihukum di bawah seksyen 27 atau subseksyen (1), mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (3) Jika seseorang ejen atau pengkhidmat sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan atau melakukan apa-apa atau meninggalkan daripada melakukan sesuatu (yang mana jika dilakukan atau ditinggal

daripada melakukan oleh pertubuhan perbadanan itu merupakan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini), badan itu hendaklah, walaupun ia tidak mengetahui mengenai kesalahan itu, disifatkan melakukan kesalahan itu dan boleh dihukum bagi kesalahan itu melainkan jika ia membuktikan bahawa-

- (a) perbuatan atau peninggalan yang diadukan itu bukanlah dalam bidang biasa pekerjaan pengkhidmat itu atau agensi ajen itu; atau
- (b) perbuatan atau peninggalan yang diadukan itu telah dilakukan tanpa kerelaan atau pembiarannya dan bahawa ia telah mengambil pengawasan yang munasabah untuk mencegah perbuatan atau peninggalan itu sebagaimana ia sepatutnya ambil setelah mengambilkira segala hal keadaan kes itu.

29. Pengarah boleh menurut budibicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya dengan menerima daripada orang yang ada alasan-alasan yang munasabah disyaki melakukan kesalahan itu sejumlah wang tidak melebihi lima ribu ringgit. Kuasa untuk mengkompaun
30. Tiada liabiliti boleh dikenakan ke atas Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai berhubung dengan perbelanjaan, gantirugi atau kerosakan yang timbul daripada perjalanan kuasa-kuasa yang sah yang diberi kepadanya atau kewajipan-kewajipan yang dikenakan ke atasnya di bawah Enakmen ini dan Pihak Berkuasa Negeri atau pegawai-pegawai itu tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan, tuntutan atau liabiliti yang timbul daripada perjalanan kuasa-kuasa yang sah yang diberi kepadanya atau pelaksanaan kewajipan-kewajipan yang dikenakan ke atasnya, di bawah Enakmen ini. Perlindungan pegawai
31. Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dan, khususnya tetapi tanpa menjejaskan keluasan yang disebutkan terdahulu, kaedah-kaedah itu boleh menetapkan-
- (a) kehendak-kehendak perancangan Kawasan Penternakan Babi dan Zon Penampian Babi termasuklah susun atur dan rekabentuk ladang babi berhubung dengan pengutipan, pengolahan, penstoran, pembuangan dan luahan sisa babi;
 - (b) mengenai lain-lain perkara berhubung dengan Kawasan Penternakan Babi, Zon Penampian Babi dan ladang babi, termasuklah kepadatan pengstokan babi dari segi populasi babi dirian atau populasi babi betina dewasa dirian bagi tiap-tiap hektar tanah atau ladang, mutu efluen dan darjah pengolahan atau teknologi yang mesti digunakan, susun atur perumahan, pembahagian ruangan, kemudahan-kemudahan minimum, kemudahan-kemudahan perlu, dan lain-lain yang diperlukan untuk melindungi alam sekitar dan kesihatan awam;
 - (c) prosedur, borang dan fee bagi maksud apa-apa permohonan, lesen atau prosiding di bawah Enakmen ini; dan
 - (d) apa-apa yang diperlukan oleh Enakmen ini untuk ditetapkan.

Diluluskan pada 16hb Oktober 1992
[UPEN. (SULIT) (KP) 1/2/2/3 Bhg. II;
PU.Pk. 14/86]

SHAR Aidin Bin Takin,
Setiausaha,
Dewan Perhimpunan Undangan Negeri,
Perak

CONTROL OF PIG FARMING ENACTMENT 1992

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I PRELIMINARY

Section

1. Short title and commencement
2. Interpretation

PART II EXECUTIVE AUTHORITY

3. Duties of Director
4. Appointment of authorized officer
5. Appointment of a Technical Advisory Committee

PART III PIG FARMING AREA

6. Designation of Pig Farming Area and Pig Buffer Zone
7. Location of pig farm

PART IV LICENSING OF FARMERS

8. Pig farming license
9. Temporary pig farming license
10. Applications
11. Approval of plans
12. Displaying and producing of license
13. Refusal or revocation of license
14. Half-yearly reports

PART V ENFORCEMENT AND PROSECUTION

15. Power to enter premises
16. Seizure and removal of pigs
17. Power of arrest
18. Prosecution
19. Demolition of farm

PART VI GENERAL

20. Breach of condition or restriction
21. Discharge of pig waste
22. Transportation of pigs
23. False declaration
24. Obstructing an officer
25. Offence committed by owner and occupier of land
26. Straying pigs
27. General penalty
28. Offence committed by body corporate
29. Power to compound
30. Prosecution of officers
31. Rules

No. 5 TAHUN 1992

I ASSENT,

(RAJA NAZRIN SHAH)
Regent of Perak
(State Seal)

13th January 1993

An Enactment to control and regulate pig farming in the State of Perak and to provide for matters related thereto.

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perak as follows:

**PART I
PRELIMINARY**

- | | | |
|--------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------|
| 1. | This Enactment may be cited as the Control of Pig Farming Enactment 1992, and shall come into force on such date as the State Authority may appoint by notification in the <i>Gazette</i> . | Short title and commencement |
| 2. (1) | In this Enactment, unless the context otherwise requires- | Interpretation |
| | “alienated land” has the same meaning as assigned to it in the National Land Code; | Act 56/1965 |
| | “authorized officer” means an officer appointed under section 4; | |
| | “boundaries” in relation to a pig farm means the boundaries of a pig farm corresponding to those as shown in the approved layout plan of the farm; | |
| | “conveyance” includes ship, train, vehicle, aircraft or any other means of transport by which persons or goods can be carried; | |
| | “Director” means the State Director of Veterinary Services, Perak; | |
| | “license” means a pig farming license, including a temporary pig farming license, issued under this Enactment; | |
| | “licensee” means any person issued with a license; | |
| | “mining land” has the same meaning as assigned to it in the National Land Code; | Act 56/1965 |
| | “owner” in relation to a pig means any person who owns a pig or is responsible for the care, management, rearing, breeding or keeping of any pig or is in charge of any pig, or rears, breeds or keeps any pig; | |
| | “owner” in relation to land includes any person to whom a temporary occupation license has been issued under the National Land Code permitting such person to occupy the land; | Act 56/1965 |
| | “permanent reserved forest” has the same meaning as assigned to it in the National Forestry Act 1984; | Act 313 |
| | “pig” includes a wild boar; | |
| | “Pig Buffer Zone” means an area designated as a Pig Buffer Zone under | |

subsection (2) of section 6;

“pig farming” means doing any one or more of the following acts-

- (a) the breeding of pigs;
- (b) the rearing of pigs;
- (c) the keeping of pigs;
- (d) the management of pigs;
- (e) the caring of pigs;

“Pig Farming Area” means any place designated as a Pig Farming Area under subsection (1) of section 6;

“pig waste” means the excreta, faeces or urine of pigs, wasted feed of pigs or water used in the cleaning of pigs or pig pens or in flushing drains and channels containing pig excreta, faeces or urine;

“reserved land” has the same meaning as assigned to it in the National Land Code; Act 56/1965

“river” has the same meaning as assigned to it in the Waters Act 1920; Act 418

“road” has the same meaning as assigned to it in the Road Transport Act 1987; Act 333

“rules” means rules made under section 31;

“standing pig population” means the total number of live pigs;

“standing sow population” means the total number of live female pigs which are being mated including those which had conceived at least once and those farrowing;

“State land” has the same meaning as assigned to it in the National Land Code; Act 56/1965

“vehicle” has the same meaning as assigned to it in the Road Transport Act 1987; Act 333

“untreated pig waste” means any pig waste which has not been treated in accordance with the standard as prescribed by rules.

- (2) In this Enactment, any reference to this Enactment or any particular written law includes a reference to any subsidiary legislation made thereunder.

PART II EXECUTIVE AUTHORITY

3. The Director shall- Duties of Director
- (a) advise the State Authority on the designation of any area in the State as a Pig Farming Area and as Pig Buffer Zone; and
 - (b) subject to this Enactment, comply with any direction given to him by the State Authority.
4. (1) For the purposes of this Enactment, the Director may appoint in writing any public officer to be an authorized officer. Appointment of authorized officer
- (2) The Director may in writing delegate to any authorized officer any of the functions of a Director.
- (3) An authorized officer shall, on demand, produce the written authority issued to him by the Director.

- (4) It shall not be an offence for any person to refuse to comply with any request, demand or order made or given by an authorized officer if such officer fails or refuses to produce such an authority on demand being made by such person.
5. (1) The State Authority may appoint such number of persons as may be necessary to be members of a committee which shall be known as the "Technical Advisory Committee".
- (2) It shall be the function of the Technical Advisory Committee to assist and advise the Director in the preparation and implementation of programmes for research and training in pollution control in relation to pig farming.

Appointment of a Technical Advisory Committee

PART III PIG FARMING AREA

6. (1) The State Authority may, by notification in the *Gazette*, designate any area in the State as a "Pig Farming Area".
- (2) The State Authority may, by notification in the *Gazette*, designate any area adjacent to or surrounding a Pig Farming Area as a "Pig Buffer Zone".
- (3) No person shall carry out any activity in a Pig Buffer Zone except with the written permission of the State Authority; and such permission shall only be given in respect of such activities as are prescribed by rules.
- (4) Any person who carries out any activity within a Pig Buffer Zone without the written permission of the State Authority shall be guilty of an offence.
7. (1) Subject to section 9, no person shall do pig farming except within a Pig Farming Area.
- (2) Subject to section 9, any person who does pig farming in any place outside a Pig Farming Area shall be guilty of an offence and shall, upon conviction, be liable to a fine not exceeding fifteen thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both such fine and imprisonment.

Designation of Pig Farming Area and Pig Buffer Zone

Location of pig farm

PART IV LICENSING OF FARMERS

8. (1) Any person who does pig farming without a license shall be guilty of an offence.
- (2) A pig farming license issued may contain such terms, conditions or restrictions as the Director in his absolute discretion may impose.
- (3) No pig farming license shall be issued in respect of any pig farm situated outside a Pig Farming Area.
9. (1) Until an area has been designated as a Pig Farming Area, the Director may, on application, issue a temporary pig farming license to any existing pig farmer permitting such person to continue doing pig farming on the same site for such period and subject to such terms, conditions and restrictions as the Director in his absolute discretion may impose on the license.
- (2) Upon the designation of an area as a Pig Farming Area, any temporary pig farming license that has been issued shall not be renewed, and the duration of the license, as specified in the license, shall not be extended.
- (3) Any person who does pig farming on the same site after the expiry of the temporary pig license issued to him shall be guilty of an offence and shall,

Pig farming license

Temporary pig farming license

on conviction, be liable to a fine not exceeding fifteen thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both such fine and imprisonment.

- (4) In this section, "existing pig farmer" means any person who was already doing pig farming on the day of the coming into force of this Enactment.
10. Any application for a license shall be made in a prescribed form to the Director. Applications
11. No license shall be issued unless the layout plan and designs for the construction of a pig farm including the boundaries of the pig farm and the facilities for the controlling of pig waste discharge or disposal have been approved by the Director:
- Provided that in respect of a temporary pig farming license, the Director may approve the layout plan and design of the existing farm with such modifications as he deems necessary.
- 12.(1) A licensee shall display in his office in the pig farm or in a conspicuous place in the pig farm the license issued to him. Displaying and producing of license
- (2) A licensee shall produce upon demand by the Director, any authorized officer or police officer the license issued to him.
- (3) Any person who, without reasonable excuse, fails to display or produce such license shall be guilty of an offence and shall, upon conviction, be liable to a fine not exceeding five hundred ringgit.
- 13.(1) The Director may-
- (a) refuse to issue a license without assigning any reason therefore;
 - (b) at any time amend or vary any condition or restriction of any license; or
 - (c) revoke any license of any person who is found to have contravened this Enactment or breached any condition or restriction imposed on the license.
- (2) Any person aggrieved by the decision of the Director may, within thirty days of the receipt of the notification of such decision, appeal to the State Authority whose decision shall be final and shall not be questioned or be subject to review or appeal in any Court. Refusal or revocation of license
- 14.(1) A licensee shall, in respect of each year, submit two reports to the Director, that is to say- Half-yearly reports
- (a) a first half-yearly report; and
 - (b) a second half-yearly report.
- (2) The report shall be submitted in the prescribed form and shall contain information pertaining to the standing pig population, standing sow population and such other particulars relating to the pig farm as may be required by the Director or as may be prescribed by rules.
- (3) The first half-yearly report shall be in respect of the period from the 1st of January until the 30th of June of the particular year; and the second half-yearly report shall be in respect of the period from the 1st of July until the 31st of December of that year.
- (4) The first half-yearly report shall be submitted to the Director not later than the 31st of July of the particular year; and the second half-yearly report shall be submitted to the Director not later than the 31st of January of the following year.

- (5) Any person who, without reasonable excuse, fails to submit such half-yearly report or fails to submit the report within the period stipulated in subsection (4) shall be guilty of an offence.

PART V
ENFORCEMENT AND PROSECUTION

15. For the purpose of ascertaining whether any offence against this Enactment has been or is being committed, the Director, any authorized officer or police officer may at any time-
- Power to enter premises
- (a) enter and examine any pig farm or any land, building or premises in respect of which he has reasonable cause to suspect is being used for pig farming and the owner or occupier of such farm or land, building or premises, as the case may be, shall render such officer all necessary assistance and furnish all information as may be required by such officer;
 - (b) stop, detain, enter and examine any conveyance used for the carrying of any pig.
- 16.(1) If the Director or any authorized officer or police officer has reasonable grounds for believing that an offence against this Enactment has been or is being committed, such officer may seize any pig the subject matter of such offence, and may remove and sell such pig or remove such pig to an authorized abattoir to be slaughtered therein, or may dispose of such pig in any manner as the Director, any authorized officer or any police officer may determine.
- Seizure and removal of pigs
- (2) The meat or carcass of any pig slaughtered under this section shall be disposed of in such manner as the Director or authorized officer may determine.
 - (3) The proceeds of any sale under subsection (1) or (2) (if the pig, meat or carcass, as the case may be, was sold) shall be disposed of in such manner as the Director or authorized officer may determine or, if there is any prosecution, in such manner as the Court may direct.
17. The Director, an authorized officer or a police officer may arrest without warrant any person reasonably suspected of committing or having committed any offence against this Enactment.
- Power of arrest
- 18.(1) The Director, any authorized officer or any police officer not below the rank of Inspector shall have the authority to appear in any Court and conduct any prosecution in respect of any offence under this Enactment.
- Prosecution
- (2) A prosecution for an offence under subsection (2) of section 7, subsection (1) of section 8 or subsection (3) of section 9, shall not be instituted except with the consent of the State Legal Adviser.
 - (3) A prosecution for any other offence shall not be instituted except with the consent of the Director.
19. If any person is convicted of an offence relating to pig farming in contravention of this Enactment, the Court shall, in the case of any offence under subsection (2) of section 7, or subsection (3) of section 9, and may, in the case of any other offence, order the person convicted to cease operation and demolish such farm or order such person to cease operation and the farm to be demolished by the Director, any authorized officer or any police officer.
- Demolition of farm

PART VI
GENERAL

- | | | |
|--------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|
| 20. | A licensee who contravenes any of the conditions or restrictions of a license shall be guilty of an offence. | Breach of condition or restriction |
| 21. | A licensee shall be guilty of an offence if any untreated pig waste is, in any manner, discharged or disposed off or onto any-
(a) river, lake or sea;
(b) public drain;
(c) Pool or pond or land situated outside the boundaries of his pig farm;
(d) Road;
(e) Alienated land;
(f) State land;
(g) Reserved land; or
(h) Permanent reserved forest. | Discharge of pig waste |
| 22. | No person shall transport any pig on a road unless the transportation is done on a vehicle certified by the Director to have been satisfactorily equipped so as to prevent spillage of pig waste. | Transportation of pigs |
| 23. | Any person who gives to the Director, any authorized officer or any police officer, for the purpose of any application or report under Part IV or when required to do so under section 15, information that is false in a material particular, shall be guilty of an offence. | False declaration |
| 24. | Any person who without lawful excuse obstructs or impeded or assists in obstructing or impeding the Director, any authorized officer or any police officer in the lawful exercised or performance of any of his powers or duties under this Enactment shall be guilty of an offence. | Obstructing an officer |
| 25. | If on any land pig farming is being done by any person without a license, the owner and the occupier of the land shall be guilty of an offence. | Offence committed by owner and occupier of land |
| 26. | If any pig is at any time found straying away from the boundaries of a pig farm, or straying on the road, in any alienated land, State land, reserved land, mining land or permanent reserved forest, the owner of the pig shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not exceeding five hundred ringgit for each pig:

Provided that the total fine imposed in respect of the total number of pigs the subject matter of the offence shall not exceed fifteen thousand ringgit.

Provided further that a person guilty of an offence under this section shall also be liable to pay the reasonable expenses of removing any pig so found straying and of repairing any damage caused by the pig which is found to have strayed. | Stray pigs |
| 27. | Any person, other than a body corporate, but including any director or officer of a body corporate, who commits an offence under this Enactment in respect of which no penalty is expressly provided for, shall be liable on conviction to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both such fine and imprisonment and, for a second or subsequent offence, to a fine not exceeding fifteen thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both such fine and imprisonment. | General penalty |
| 28.(1) | If the person guilty of an offence under this Enactment is a body corporate, it shall on conviction be liable to a fine not exceeding twenty thousand ringgit, and for a second or subsequent offence, to a fine not exceeding | Offence committed by body corporate |

thirty thousand ringgit.

- (2) If the offence committed by a body corporate is proved to have been committed with the consent or connivance, or to be attributable to any neglect on the part of any director, manager, secretary or other similar officer of the body corporate or any person who was purporting to act in any such capacity, he and that body corporate shall both be guilty of the offence and shall be liable to be punished under section 27 or subsection (1), as the case may be.
- (3) If any agent or servant of a body corporate commits an offence or does anything or omits to do anything (which if done or omitted to be done by the body corporate would constitute an offence under this Enactment), that body shall, notwithstanding that it has no knowledge of the offence, be deemed to be guilty of the offence unless it proves that-
- (a) the act or omission complained of was not within the ordinary scope of the employment of the servant or of the agency of the agent; or
 - (b) the act or omission complained of was done or committed without its consent or connivance and that it had taken reasonable precaution to prevent the commission or omission as it ought to have taken having regard to all the circumstances of the case.
29. The Director may in his discretion compound any offence under this Enactment or any rules made thereunder by accepting from the person reasonably suspected of having committed such offence a sum of money not exceeding five thousand ringgit. Power to compound
30. No liability shall be attached to the State Authority or any officer in respect of any expense, damage or injury arising from the lawful exercise of the powers or the performance of duties conferred or imposed under this Enactment, and the State Authority or such officer shall not be subject to any action, claim or liabilities arising from the lawful exercise of the powers conferred, or performance of duties imposed, under this Enactment. Prosecution of officers
31. The State Authority may, by notification in the *Gazette*, make rules for the carrying into effect the provisions of this Enactment and, in particular but without prejudice to the generality of the foregoing such rules may prescribe- Rules
- (a) the planning requirements of a Pig Farming Area and Pig Buffer Zone, including the layout and design of pig farms with respect to pig waste collection, treatment, storage, disposal and discharge;
 - (b) on other matters pertaining to Pig Farming Areas, Pig Buffer Zone and pig farms, including the stocking density of pigs in terms of standing pig population or standing sow population per hectare of land or per farm, effluent quality and the degree of treatment or technology to be used, housing layout, space allocation, minimum facilities, essential facilities, and anything else required to protect the environment and public health;
 - (c) the procedure, forms and fees for the purposes of any application, license or proceeding under this Enactment; and
 - (d) anything required by this Enactment to be prescribed.

Passed this 16th day of October 1992
[UPEN. (SULIT) (KP) 1/2/2/3 Bhg. II;
PU.Pk. 14/86]

SHAR Aidin Bin Takin,
Secretary
State Legislative Assembly,
Perak